

'Cakap besar'

Satu cara meraih perhatian orang supaya mereka diterima

>>Oleh **NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN**
norlaila@hmetro.com.my

BERDEPAN orang yang suka bermegah atau 'cakap besar' mengenai kelebihan dirinya yang ditokok tambah memang menyakitkan kepala.

Hendak ditegur, bimbang dia kecil hati dan melenting, tetapi jika tidak ditegur, telinga kita tidak tahan mendengar ceritanya yang makin menjadi-jadi.

Siapa tidak jemu jika topik perbincangan hanya merujuk pada 'saya, saya dan saya'. Individu seperti ini mungkin berasa puas apabila dapat menceritakan kelebihan diri sendiri kepada orang lain, terutama yang baru dikenali.

Individu yang berperangai menjengkelkan seperti ini memang ada dalam kelompok masyarakat di seluruh dunia. Kalau ikut istilah orang kita, orang begini dipanggil 'tin kosong' — bunyi saja berdentum-dentum, tetapi isinya tiada.

Bagaimana kelakuan ini boleh bermula dan apa sebenarnya yang dicari individu yang suka cakap besar? Cakap besar antara mekanisme untuk meraih perhatian orang supaya mereka boleh diterima dalam kelompok tertentu, kata Pensyarah Kanan Program Kaunseling, Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Sapora Sipon.

Bagaimanapun, senario cakap besar ini dianggap masalah apabila ia menimbulkan ketidakselesaan pada orang sekeliling sehingga kawan mulai menjauhkan diri kerana tidak sanggup mendengar 'cerita indah' individu berkenaan.

Antara perkara yang termasuk dalam dunia rekaan individu cakap besar ialah pencapaian akademik dan kerjaya, harta, penampilan, persekolahan anak, latar belakang keluarga, lokasi membeli-belah, harga barangan

dibeli dan tempat percutian.

Menurut Dr Sapora, beberapa faktor boleh menyumbang kepada perkara ini seperti:

- Pandangan masyarakat — Masyarakat pada umumnya memberi lebih perhatian dan menghormati orang yang berpendidikan tinggi, termasuk ilmu agama. Atas dasar ini, individu begini mencari jalan untuk mendapat perhatian, rasa hormat dan dipandang tinggi masyarakat.

- Jika benar-benar ada kelulusan, tidak mengapa kerana memang ada 'benda' yang hendak ditunjuk (walaupun ia dilarang dalam agama). Isu timbul apabila individu begini mula mereka cerita dengan mengada-adakan perkara yang tiada. Contohnya, mendakwa memiliki ijazah sarjana muda atau sarjana, sedangkan hanya berkelulusan diploma atau sedekadar sijil.

- Rasa nilai diri yang rendah — Individu ini berasa ada kekurangan pada dirinya dan antara cara meningkatkan nilai diri ialah dengan berbohong. Individu begini biasa mempunyai tanggapan apa yang dikatakan itu akan dipercayai orang, walaupun tahu ceritanya rekaan semata-mata.

"Individu seperti ini tidak rasa bersalah apabila mengada-adakan cerita. Sebaliknya ada yang rasa bahagia berbuat demikian. Keinginan untuk dihargai dan dipandang tinggi mengatasi rasa bersalah. Ini sebabnya mereka terus berkelakuan demikian," katanya.

- Trauma — Ia mungkin berpunca daripada kata-kata atau teguran orang yang dianggap memalukan dan menyebabkannya rasa terhina. Contohnya, teguran cara berpakaian yang dianggap ketinggalan zaman. Bagi orang lain, ia mungkin perkara biasa yang 'masuk telinga kanan, keluar telinga kiri'.

Namun bagi individu ini, teguran berkenaan lekat di



dalam hati dan menjadi kudi yang sukar diubati. Perkara baiknya, pada masa sama dia berusaha memperbaiki diri dengan mengubah penampilan supaya tidak lagi dianggap ketinggalan zaman.

"Perubahan ini juga secara tidak langsung meningkatkan nilai dirinya. Individu ini mula memberi pandangan dan teguran pada orang lain. Jika dulu orang kata dia tidak pandai bergaya, kini dia pula menegur orang lain. Dalam ilmu sosiologi, perkara ini dipanggil projeksi.

"Maknanya dia mengalihkan teguran orang padanya kepada orang lain. Dia beralih daripada tahap penerima teguran kepada pemberi te-



Individu seperti ini tidak rasa bersalah apabila mengada-adakan cerita"

>Dr Sapora Sipon
Pensyarah Kanan Program Kaunseling, Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan, USIM



Kata-kata adalah salinan kepada apa yang tersirat di hati"

>Dr Muhammad Yusuf Khalid
Timbalan Dekan Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan USIM

guruan. Melalui cara ini dia berasa 'terlepas' daripada isu yang diperkatakan, sebaliknya ia menjadi masalah orang lain pula," katanya.

- Faktor keluarga — Ia boleh berlaku jika individu ini tidak dapat memenuhi harapan tinggi ibu bapanya. Mempunyai pencapaian paling rendah, sama ada akademik atau kerjaya, berbanding adik-beradik lain juga boleh menyebabkan perkara ini.

Cara mengatasi kekurangan ini ialah dengan mencipta kejayaan itu dalam khayalan dan menceritakannya pada orang lain. Sama ada orang percaya atau tidak, itu soal kedua kerana baginya orang akan percaya

kata-katanya.

- Menafikan hakikat diri — Individu ini menafikan wujudnya realiti yang dilakukan secara sedar atau tidak. Golongan ini menafikan hakikat kekurangan diri dengan mengada-adakan cerita kejayaan atau kelebihannya. Ia dipanggil mekanisme bela diri yang dilakukan supaya mereka diterima dan dihargai masyarakat.

Uniknya, golongan 'pelik' ini boleh hidup dalam dunia rekaan mereka. Mereka akan terus mencipta kejayaan dalam khayalan kerana ia dianggap boleh memberi kebahagiaan.

Kumpulan ini juga tidak kisah walaupun tahu orang lain tidak percaya kerana yang penting, khayalan itu membuat mereka gembira.

"Budaya masyarakat kita yang tidak berterus terang boleh memburukkan perkara ini. Individu itu mungkin tidak sedar sikapnya yang suka mengada-adakan cerita adalah salah, tetapi tiada siapa sanggup memberitahunya. Pada anggappannya, itu bukan kesalahan kerana ia membuat dia rasa bahagia.

"Orang sekeliling perlu membantu menyedarkannya dengan menegur secara berhemah dan berterus terang. Memang dia rasa malu, terluka dan sedih, tetapi ia akan menyedarkannya. Jika tidak mampu bercakap secara bersemuka, anda boleh menulis surat atau menghantar e-mel, tetapi biar dalam nada lembut supaya ia mudah diterima.

"Lambat laun kesan negatif daripada cakap besar ini dirasai. Apabila cerita khayalan itu terbukti palsu, orang memandang rendah dan tidak dipercayai lagi kata-kata individu ini. Bahkan tidak mustahil peluang peningkatkan dalam kerjaya juga ter-

jejas," katanya.

Menurut Timbalan Dekan Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan USIM, Dr Muhammad Yusuf Khalid, bercakap besar adalah tanda kemiskinan ilmu. Orang berilmu tidak bercakap besar kerana sedar masyarakat menilai perkataan yang keluar dari mulut mereka.

Katanya, orang kurang ilmu pula sebaliknya mudah bercakap apa saja tanpa mengkaji dulu kesan atau logik kata-kata mereka. Sering terjadi cakap besar secara tidak langsung mempamerkan kebodohan diri tanpa disadari.


"Kata-kata adalah salinan kepada apa yang tersirat di hati. Jika hati bersih, kata-kata yang keluar juga 'bersih' sifatnya. Dalam al-Quran ada menyebut, buah yang baik datang dari pokok yang baik. Namun, ada juga orang berilmu bercakap besar. Ia menandakan kurang penghormatan terhadap ilmu dimiliki.

"Orang yang suka cakap besar mendapati sukar mengawal diri ketika bercakap. Mereka tidak sedar syaitan sedang merasuk kerana syaitan ada kepakaran untuk memperelokkan benda yang jelik dan sebaliknya.

"Cakap besar bermakna riak. Riak adalah syirik yang tersembunyi. Jadi berhati-hati apabila bercakap supaya kita tidak menjadi syirik.

"Orang yang waras akan berhati-hati dengan kata-katanya kerana ia dinilai orang lain. Kesan kata-kata buruk dan berlebih-lebih akhirnya kembali pada diri sendiri.

"Penawarnya cuma satu ia itu mengingati Allah kerana semua yang ada pada kita hanya pinjaman dan ujian. Terpulang pada kita untuk menggunakannya dengan bijak dan berguna," katanya.



**CARI PERHATIAN...
buat cerita palsu.**